

PP	KJ	KK	JUM
-	-	1	1

No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_



## PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN

### PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN N19 KERTAS II

Tarikh : 23 September 2020 (Rabu)

Masa : 9.00 pagi – 11.00 pagi (2 jam)

Tempat : Kampus Kesihatan

---

#### ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi **DUA (2)** bahagian seperti berikut:

**Bahagian A : DUA (2)** soalan berbentuk esei disediakan. **Jawab SEMUA soalan.**  
Bahagian A bernilai 40 markah.

**Bahagian B : EMPAT (4)** soalan berbentuk esei disediakan. **Jawab DUA (2) soalan.**  
Bahagian B bernilai 60 markah.

Calon **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar kertas soalan. Sila serahkan kertas soalan bersama-sama buku jawapan kepada Pengawas sebelum meninggalkan dewan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 muka surat termasuk muka hadapan.

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEBELUM DIARAHKAN**

**Bahagian A**

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Pembantu Penyediaan Makanan merupakan antara tunjang utama kepada perkhidmatan makanan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM). Nyatakan dan huraikan sekurang-kurangnya **TIGA (3)** tugas utama Pembantu Penyediaan Makanan N19.

(20 markah)

2. Prinsip Asas pembersihan dan pengemasan termasuklah Higen dan Sanitasi yang merangkumi amalan kebersihan diri, kawasan kerja dan peralatan. Nyatakan dan huraikan keperluan amalan kebersihan diri yang perlu diamalkan oleh Pembantu Penyediaan Makanan di tempat kerja anda.

(20 markah)

**Bahagian B**

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

3. Pengendalian bahan mentah yang selamat adalah penting bagi mengelakkan keracunan makanan. Ikan merupakan antara bahan mentah yang berisiko tinggi. Nyatakan kaedah pemilihan ikan yang betul bagi memastikan ikan benar-benar segar sewaktu penerimaan.

(30 markah)

4. Keracunan makanan ialah penyakit yang disebabkan oleh pengambilan makanan atau minuman yang tercemar. Dilaporkan bahawa kes keracunan makanan meningkat hampir 24% pada tahun 2019. Nyatakan perkara-perkara asas yang perlu dilakukan bagi mengelakkan keracunan makanan daripada berlaku.

(30 markah)

3

5. Memasak makanan dalam kuantiti yang besar merupakan antara peranan utama Pembantu Penyediaan Makanan dengan menggunakan kaedah dan peralatan memasak yang sesuai. Namun, faktor keselamatan adalah perlu dititikberatkan. Nyatakan beberapa perkara asas yang perlu dilakukan bagi mencegah kemalangan di tempat kerja anda.

(30 markah)

6. Diet vegetarian merupakan antara jenis diet normal yang sering disediakan di institusi anda. Nyatakan keperluan, indikasi dan ciri-ciri diet jenis ini.

(30 markah)

oooo0oooo